



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : MAC /

19 / 2024

M/S

: 3

‘Tiada sebab Malaysia anti dengan negara lain’

Tumpuan untuk perbetulkan struktur, ekonomi serta angkat kembali martabat negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia tidak berhasrat mengamalkan permusuhan atau anti dengan mana-mana negara dunia, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, biarpun diajukan pelbagai soalan berhubung dasar luar Malaysia, tumpuannya adalah untuk membetulkan struktur dan ekonomi serta mengangkat kembali martabat negara.

“Cuma ada beberapa hal yang dibesarkan (wartawan asing), soal Palestin dan China kerana banyak negara Barat agak sangsi mengapa nampak kita berdamping dengan China dan jawapan saya mudah, kita negara kecil, kita mahu berkembang, kita menjaga kemaslahatan rakyat.

“Jadi apabila saya ditanya soa-

lan, bab Chinafobia atau Sino-fobia, saya jawab tak ada sebab untuk ada permusuhan dan anti sesiapa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dewan De Seri Endon, PUSPANTAPURI di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan mengambil pendekatan menggalakan pelaburan dari Timur ke Barat yang akan memberi manfaat kepada Malaysia.

Katanya, begitu juga soal pendirian Malaysia berhubung konflik di Palestin yang dipertikaikan negara Barat.

“Malah dengan Amerika Syarikat (AS) pun sekali pun, kita berbeza pendapat kerana sikap mereka dalam soal perang Israel, Palestin ataupun keganasan kezaliman Zionis Israel ke atas bumi Palestin khususnya Gaza dan kita suarakan dengan terang.

“Tetapi kalau anak kecil, bayi, wanita, orang tidak bersalah itu dihancurkan setiap hari, maka berdepan dengan Presiden Joe Biden, tentunya saya ambil kekuatan untuk menyatakan sikap pendirian,” katanya.

Bagaimanapun, dalam soal ekonomi, kumulatif pelaburan dari AS masih nombor satu dan Malaysia sentiasa menyambut baik kehadiran mereka.



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dewan De Seri Endon, PUSPANTAPURI di Putrajaya, semalam. Yang turut kelihatan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Mohd Zuki.

“Begitu juga terkait China, ini negara jiran dan kita tidak ada sebab nak menimbulkan permusuhan, walaupun ada sedikit perbezaan pendapat, kita bincang, tetapi dalam beberapa hal, pelaburan soal kerjasama, hubungannya sangat baik,” katanya.

Lawatan luar biasa

Anwar juga menyifatkan lawatan rasminya ke Jerman minggu lalu sebagai luar biasa dan terbaik yang pernah dicatatkan berbanding sebelum ini.

Katanya, sambutan luar biasa yang diberikan sepanjang enam hari lawatannya itu menjadi bukti kejayaan semangat kerjasama berpasukan yang ditunjukkan penjawat awam.

“Saya (ada) berjumpa dengan beberapa (pelabur) yang besar, yang bersetuju untuk melabur segera, jadi pandangan mereka

ke atas dasar kerajaan, pimpinannya, penjawat awam amat positif.

“Saya nak ambil peluang ini menyatakan kepada Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Mohd Zuki Ali) bahawa saya bangga, berkhidmat dengan penjawat awam yang semangat sedemikian kerana kesannya, sambutan luar biasa, saya tidak mambah, boleh tanya menteri yang mengiring,” katanya.

Anwar berkata, pelabur luar kini menilai Malaysia dengan menyatakan bahawa negara jauh lebih cekap, keputusan pada peringkat lebih cepat serta tidak berlaku ketirisan.

“Saya sahaja bertanya, provokasi (kepada syarikat pelabur), lambat tak, ada masalah tak, ada kena bagi komisen tak, semua itu saya tanya dalam perbincangan tertutup.

“Dalam perbincangan tertutup

itu juga mereka memberikan jawapan yang sangat baik, sangat melegakan saya dan menunjukkan keupayaan kita,” katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri kesal kerana usaha meningkatkan ekonomi negara itu dianggap sinis oleh segelintir pihak.

“Kita diuji pelbagai (tuduhan) salah guna kuasa, guna wang banyak, pergi guna pesawat kerajaan, pergi bercuti di luar negara untuk seronok.

“Tak terjawab saya, tetapi percayalah, saya ke sana (Jerman), kedai pun saya tak pergi, saya tak ada kerja lain, melainkan dari hotel ke mesyuarat.

“Saya bukan pergi satu hari mesyuarat, hari kedua main golf, itu tradisi lama, ada (masa) lapang selepas program saya jalan laju sekejap, itu ada dan kalau itu dianggap salah saya minta ampun dan maaf,” katanya.